

Aplikasi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah dalam Instrumen Tahanan Pencegahan di Malaysia
Application of Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah in Preventive Detention Instruments in Malaysia

Muhammad Shaiffudin Bin Abu Bakar [✉], Mohd Al Adib Bin Samuri, Wafaa' Binti Yusof, Abdul Basir Bin Mohamad

Faculty of Shariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ABSTRAK

al-Qawaid al-Fiqhiyyah merupakan salah satu panduan menyelesaikan permasalahan berkaitan hukum sesuatu perkara baharu sesuai dengan kerencaman pembangunan dan sosio-budaya masyarakat. Tahanan pencegahan merupakan suatu instrumen yang diwujudkan oleh pihak kerajaan dalam usaha mengekang dan mencegah jenayah bagi menjamin keselamatan dan keharmonian dalam masyarakat. Namun begitu, perkara ini tidak menyetepikan keperluan untuk penelitiannya menerusi suluhan fiqh Islami. Terdapat al-Qawāid al-Fiqhiyyah tertentu boleh diaplikasikan dalam konteks pelaksanaan tahanan pencegahan di bawah undang-undang jenayah di Malaysia. Oleh itu, artikel ini mengulas aplikasi al-Qawaid al-Fiqhiyyah yang berkaitan dengan berkaitan instrumen tahanan pencegahan. Artikel kualitatif ini merupakan suatu kajian kepustakaan yang melibatkan metode pengumpulan data yang dikumpul dari tulisan dan makalah kajian. Hasil dapatan artikel ini menjelaskan terdapat enam qawaid al-fiqhiyyah yang berautoriti untuk diaplikasikan dalam tahanan pencegahan supaya memberi kesan yang positif terhadap penerimaan guna pakainya.

KATA KUNCI

Al-Qawāid al-Fiqhiyyah, Tahanan Pencegahan, Keadilan, Keselamatan Awam, Hak individu.

ABSTRACT

al-Qawaid al-Fiqhiyyah serves as a guide for resolving legal issues that arise due to new developments and the socio-cultural complexities of society. Preventive detention is an instrument established by the government to preclude crime and ensure societal safety and harmony. Nonetheless, this approach necessitates examination through the lens of Islamic jurisprudence. In the context of preventive detention under criminal law in Malaysia, certain principles of al-Qawaid al-Fiqhiyyah are applicable. Consequently, this qualitative article explores how al-Qawaid al-Fiqhiyyah principles relate to the instruments of preventive detention. It involves data collection from various writings and research papers as part of a literature review. The findings suggest that there are six authoritative al-Fiqhiyyah principles which, when applied to preventive detention, could positively influence its acceptance and implementation.

KEYWORDS

Keyword: al-Qawāid al-Fiqhiyyah, Preventive Detention, Justice, Public Safety, Individual Rights.

Article History

Received: October 28, 2023
Revised: December 12, 2023
Accepted: December 14, 2023
Published: December 15, 2023

Contact

Muhammad Shaiffudin Bin Abu Bakar (Corresponding Author)
shaiffudin.abubakar@gmail.com

Citation

Muhammad Shaiffudin Bin Abu Bakar, Mohd Al Adib Bin Samuri, Wafaa' Binti Yusof, Abdul Basir Bin Mohamad. 2023. Aplikasi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah dalam Instrumen Tahanan Pencegahan di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(2): 61-70.

Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENDAHULUAN

Tahanan pencegahan ialah suatu bentuk undang-undang yang membenarkan negara menahan mana-mana individu tanpa perbicaraan. Instrumen ini telah menarik perhatian masyarakat antarabangsa dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ia merentasi perbahasan dalam kalangan sarjana undang-undang dan pembuat dasar kerana menjejaskan keseimbangan di antara hak individu dan keselamatan negara. Tahanan pencegahan sebagaimana yang ditakrifkan oleh International Commission of Jurist (2006) adalah merujuk kepada penahanan dengan keperluan mana-mana individu yang dianggap berpotensi memberi ancaman kepada masyarakat atau negara untuk mencegah jenayah masa depan atau mengekalkan ketenteraman awam.

Pelaksanaan instrumen ini membangkitkan soalan berkaitan etika dan undang-undang yang mendalam tentang pengikisan hak-hak sivil dalam usaha mencapai objektif keselamatan. Dalam kajian ini, pengkaji meletakkan perbahasan tentang keperluan untuk melaksanakan instrumen tahanan pencegahan berdasarkan kepada aplikasi al-Qawāid al-Fiqhiyyah. Selain itu dalam proses menyediakan kajian ini, pengkaji telah memulakan dengan melakukan sorotan kajian terlebih dahulu. Hasilnya, pengkaji menemui beberapa kajian yang membahaskan berkaitan aplikasi al-Qawāid al-Fiqhiyyah terhadap undang-undang Islam di Malaysia. Pun begitu, pengkaji tidak menemui mana-mana artikel jurnal atau kajian-kajian yang membahaskan berkaitan aplikasi al-Qawāid al-Fiqhiyyah terhadap instrumen tahanan pencegahan.

Kajian dilakukan untuk mengkaji aplikasi al-Qawāid al-Fiqhiyyah dalam pelaksanaan tahanan pencegahan di Malaysia. Al-Qawaid al-Fiqhiyyah bukanlah satu sumber hukum syarak (melainkan kaedah tersebut adalah berasal daripada sumber utama hukum iaitu al-Quran dan al-Sunnah). Al-Qawaid al-Fiqhiyyah adalah suatu bentuk rumusan dengan tujuan bagi memudahkan kefahaman para penuntut ilmu dalam memahami struktur pengajian ilmu fiqh dan aplikasinya adalah tidak mengikat secara lazimnya. Sebahagian daripada al-Qawaid al-Fiqhiyyah juga boleh menjadi hujah /dalil sandaran bagi sesuatu fatwa yang dikeluarkan terutamanya yang membatikan isu-isu berkaitan hukum al-dharurah, al-hajah serta al-maslahah. Kajian yang telah dilakukan oleh Siti Nur Amalina dan Mohd Nurhusairi (2018), fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan tidak sampai ke peringkat mengeluarkan ijtihad. Kebanyakan fatwa yang dikeluarkan adalah berpandukan kepada kitab-kitab fiqh ulama terdahulu beserta pemakaian al-Qawaid al-Fiqhiyyah juga turut digunakan dalam hukum-hukum yang tertentu. Al-Qawāid al-Fiqhiyyah mempunyai peranan yang besar dalam proses istinbat hukum serta menjadi hujah yang tidak mengikat dalam urusan penghakiman. Aplikasi al-Qawāid al-Fiqhiyyah oleh para hakim

dalam kes-kes diselesaikan di Mahkamah Syariah adalah menepati kepada maksud dan tujuan bagi setiap al-Qawāid al-Fiqhiyyah yang digunakan (Mastura Razali, 2015).

Ro'is Alfauzi (2020) berpandangan al-Qawaid al-Fiqhiyyah adalah sumber yang umum dengan asas bahawa setiap perbahasan daripada pecahan bidang-bidang dalam ilmu fiqh baik ibadat, muamalat, munakahat, jinayat dan lain-lain adalah berdiri dengan prinsip yang sama, yang kemudiannya dirumuskan oleh para ulama fiqh sehinggalah terbentuknya al-Qawaid al-Fiqhiyyah. Ro'is Alfauzi juga berpandangan bahawa perundangan Islam dan al-Qawaid al-Fiqhiyyah mempunyai pertalian yang kuat di antara satu sama lain kerana perundangan Islam sangat bergantung kepada al-Qawaid al-Fiqhiyyah kerana ciri-ciri keumuman yang terdapat padanya dapat diketengahkan pada setiap masa dan zaman. Justeru, bertepatanlah untuk pengkaji mengetengahkan kajian berkaitan aplikasi al-Qawāid al-Fiqhiyyah dalam instrumen tahanan pencegahan sebagai suatu kajian baharu yang mengetengahkan perbahasan berkaitannya.

DEFINISI TAHANAN PENCEGAHAN

Terdapat beberapa definisi yang ditakrifkan oleh pelbagai sarjana dan pihak berkuasa. Antaranya (copy paste di sini)

- a) Tahanan sebagai suatu pencegahan daripada melakukan sebarang bentuk pelanggaran undang-undang

Ashworth (2013) mendefinisikan tahanan pencegahan sebagai suatu bentuk tahanan yang digunakan untuk melindungi masyarakat daripada ancaman oleh seseorang yang belum melakukan jenayah tetapi dipercayai akan melakukan jenayah pada masa depan. Dalam kes *Rovin Joty a/l Kodeeswaran v Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors and other appeals* [2021] 2 MLJ 822 dan kes *Yazid bin Sufaat and Others v Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia* [2009] MLJU 734 mendefinisikan tahanan pencegahan sebagai penahanan seseorang dengan tujuan untuk menghalang orang itu daripada bertindak dalam apa-apa cara yang memudaratkan ketenteraman awam, adalah perlu bahawa orang itu harus ditahan, atau bahawa ia adalah perlu untuk penindasan keganasan atau pencegahan jenayah yang melibatkan keganasan bahawa orang itu harus ditahan.

- b) Tahanan tanpa bicara

Menurut Fisher (2018), tahanan pencegahan adalah penahanan seseorang tanpa perbicaraan (seringkali digunakan untuk jangka masa yang panjang dan tidak ditentukan) untuk mencegah orang tersebut daripada melakukan jenayah pada masa depan. Dalam kes *Dhinesh a/l Tanaphll v Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors* [2022] 3 MLJ 356, tahanan pencegahan didefinisikan sebagai suatu tahanan yang

memenjarakan seseorang individu tanpa melalui dan diadakan perbicaraan. Demikian juga definisi yang diberikan dalam kes *Rovin Joty a/l Kodeeswaran v Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors and other appeals* [2021] 2 MLJ 822.

c) Tahanan dengan kuasa eksekutif

Tahanan pencegahan juga boleh didefinisikan sebagai pelaksanaan kuasa penahanan eksekutif. Penahanan eksekutif adalah penahanan atas perintah eksekutif untuk tempoh yang tidak ditentukan, tanpa pertuduhan dan tanpa perbicaraan. Ia biasanya dikenakan hasil daripada keputusan pentadbiran yang diambil secara tertutup oleh pegawai kerajaan. Penahanan eksekutif direka lebih awal — sebagai langkah pencegahan. Oleh itu, seorang individu ditahan bukan kerana apa yang telah dia lakukan, tetapi untuk apa yang dia mungkin lakukan pada masa hadapan jika dia kekal bebas. (*Selva Vinayagam a/l Sures v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2021] 1 MLJ 601)

d) Tahanan yang dilaksanakan kerana dianggap berbahaya kepada masyarakat

Duff (2018) mendefinisikan tahanan pencegahan dengan penahanan seseorang dengan tujuan untuk mencegah tindakan salah laku pada masa depan, bukan sebagai untuk kesalahan lampau. Kes *Selva Vinayagam a/l Sures v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2021] 1 MLJ 601 memberi takrifan tahanan pencegahan sebagai:

- i) *pemenjaraan yang dianggap wajar untuk tujuan bukan hukuman, selalunya untuk mencegah perbuatan jenayah,*
- ii) *pemenjaraan seseorang dengan tujuan menghalangnya daripada melakukan kesalahan selanjutnya atau menjaga ketenteraman awam; dan,*
- iii) *penahanan seseorang di penjara atau di institusi kerana dia dianggap sebagai bahaya kepada masyarakat. Ciri tunggal penahanan pencegahan ialah penahanan itu tertakluk kepada penahanan tanpa perbicaraan dengan anggapan bahawa pembebasannya tidak demi kepentingan terbaik masyarakat — khususnya, bahawa dia mungkin akan melakukan jenayah tambahan jika dia dibebaskan.*

e) Tahanan yang menafikan hak kebebasan individu

SUHAKAM mendefinisikan tahanan pencegahan sebagai hukuman yang merampas hak seseorang untuk kebebasan peribadi. Praveen Swami (2015) berpendapat, tahanan pencegahan adalah satu paradigma yang gagal dan melanggar hak asasi manusia serta telah dijadikan sebagai suatu alat oleh pihak berkuasa untuk membungkam kritikan dan menekan parti politik pembangkang dan perkara ini tidak mempunyai tempat dalam masyarakat demokratik. Swami (2015) juga menyoroti isu penyalahgunaan kuasa oleh mereka yang berkuasa dengan mengemukakan banyak kes di mana

penahanan pencegahan telah digunakan untuk menahan individu bagi jangka masa yang lama tanpa perbicaraan atau proses yang sewajarnya.

f) Tahanan tanpa tempoh

Undang-undang yang digunapakai di Malaysia membenarkan lanjutan sesuatu perintah tahanan. Sebagai contoh, Seksyen 19A (1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297) memperuntukkan:

- (1) *Lembaga boleh mengarahkan bahawa mana-mana orang berdaftar ditahan di bawah suatu perintah tahanan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun, dan boleh memperbaharui mana-mana perintah tahanan sedemikian bagi suatu tempoh selanjutnya yang tidak melebihi dua tahun pada satu masa, jika ia berpuas hati bahawa tahanan sedemikian adalah perlu demi kepentingan ketenteraman awam, keselamatan awam atau pencegahan jenayah.*

Dalam kes *MHEDN v. Chua Teck* [1990] 1 CLJ 220; [1990] 1 CLJ (Rep) 178 Mahkamah Agung memutuskan bahawa persoalan tentang allegasi fakta yang telah basi atau tidak berkaitan secara langsung dengan tahanan tidak boleh dipersoalkan oleh mahkamah. Menteri boleh melanjutkan sesuatu tahanan atas alasan yang sama seperti dalam perintah asal.

g) Tahanan yang tidak boleh dipersoalkan

Perintah tahanan seseorang individu hanya akan dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri, (dengan nasihat Lembaga Pencegahan). Sesuatu perintah tahanan tidak memerlukan kepada pertuduhan dan perbicaraan di mahkamah. Perintah tahanan dan perintah lanjutan yang dikeluarkan oleh Menteri yang dibuat atas dasar pertimbangan subjektif terhadap keselamatan negara atau ketenteraman awam tidak boleh dipersoalkan di mahkamah (non-justiciable). Melainkan jika tahanan dapat membuktikan yang tahanannya dibuat secara 'mala fide' atau dengan niat jahat. Dalam kes *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia* [1969] 2 MLJ 129, Mahkamah Persekutuan yang mengendalikan kes tersebut memutuskan adalah bukan menjadi tugas mahkamah untuk menyoal badan eksekutif atas perkara yang dibangkitkan oleh tertuduh.

Sebagai rumusan terhadap tujuh definisi yang telah diberikan, pengkaji menyimpulkan bahawa tahanan pencegahan boleh didefinisikan sebagai suatu perintah penahanan yang dikeluarkan oleh kuasa eksekutif terhadap seseorang individu yang dikuatiri kebebasannya akan membahayakan masyarakat bagi suatu tempoh masa yang tidak melebihi dua tahun dan penahanannya tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak sekalipun. Penahanan ini dilihat oleh sebahagian pihak sebagai mencabuli hak asasi manusia, sedangkan setiap peruntukan dan perintah adalah menurut kepada peruntukan undang-undang yang sah. Justeru itu sebagai suatu analisis, kajian ini akan mengetengahkan perbincangan berkaitan aplikasi al-

Qawaid al-Fiqhiyyah dalam menentukan hukuman guna pakai instrumen ini.

APLIKASI AL-QAWĀID AL-FIQHIYYAH DALAM PELAKSANAAN TAHANAN PENCEGAHAN

Fiqh berfungsi sebagai panduan praktikal yang membimbing individu dalam menjalani kehidupan agar selari dengan prinsip-prinsip agama Islam. Selain itu, fiqh juga menghimpunkan aspek-aspek perundangan dan etika yang membantu umat Islam memahami tuntutan agama terhadap setiap tindakan dan perilaku mereka. Selain daripada sumber-sumber utama seperti al-Quran dan al-Sunnah, fiqh juga bergantung kepada konsensus para ulama (ijmak) dan qiyas untuk memecahkan isu-isu yang belum jelas atau baharu dalam konteks semasa. Perbincangan tentang keharusan tahanan pencegahan adalah termasuk dalam perkara baharu dan isu semasa. Disebabkan subjek kajian ini merupakan suatu perkara baharu, maka pengkaji tidak menemui sebarang petunjuk mahupun dalil yang qat'i dari sumber utama pendalilan iaitu; al-Quran, al-Sunnah, ijma' dan qiyās.

Kedudukan dan fungsi al-Qawaid al-Fiqhiyyah bukanlah asas utama dalam penentuan hukum sesuatu perkara. Ia merupakan himpunan kaedah-kaedah hukum yang bersifat kulliyat sebagaimana diambil daripada dalil-dalil kulli yang dijadikan sebagai sandaran dalam membina hukum perkara yang furu' (cabang) (Nur Lailatul Musyafaah, 2018). Berpandukan al-Qawaid al-Fiqhiyyah akan membantu para mujtahid dalam proses istinbat hukum iaitu dengan mengkategorikan sesuatu masalah hukum yang sama di bawah satu kaedah sahaja (Teungku Riyandi Syafri). Oris Alfauzi (2020) turut menyatakan al-Qawaid al-Fiqhiyyah tidak sewajarnya dikesampingkan dalam argumentasi dan aplikasinya dalam pembinaan hukum kerana ia merupakan suatu alat menyelesaikan permasalahan hukum dalam suasana zaman yang semakin berkembang.

Dalam nada yang sama, Zulfaqar Mamat (2020) turut berpandangan penggunaan al-Qawaid al-Fiqhiyyah berpandangan dalam beberapa keadaan, al-Qawaid al-Fiqhiyyah dalam menjadi dalil sama ada penguat mahupun sokongan kepada dalil-dalil fiqh yang lain, apatah lagi sekiranya kaedah tersebut adalah autentik ambilannya daripada al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, pengkaji memuatkan perbincangan mengenai al-Qawāid al-Fiqhiyyah dengan mengetengahkan kaedah asas dalam al-Qawaid al-Fiqhiyyah iaitu الضَّرُّ يُزَالُ (kemudaratan itu dapat dihilangkan) dengan kaedah-kaedah pecahan daripadanya sebagai asas dalam pelaksanaan tahanan pencegahan. Selain itu, pengkaji turut memuatkan kaedah umum yang boleh diaplikasikan dalam subjek kajian ini. Pemilihan kaedah-kaedah ini adalah berdasarkan kepada justifikasi penggubalan tahanan

pencegahan iaitu menjaga keselamatan warga masyarakat dan negara daripada sebarang marabahaya.

1. Kaedah الضَّرُّ يُزَالُ (Kemudaratan hendaklah dihilangkan)

Makna umum bagi kaedah ini ialah sebarang kemudaratan yang bakal berlaku atau telah berlaku hendaklah dihilangkan. Kemudaratan yang berlaku itu sendiri dihukumkan sebagai suatu kezaliman dan pengkhianatan. Maka, ia wajar untuk dihilangkan serta dihalang daripada berlaku kerana sifatnya yang boleh dihapuskan serta dihilangkan (Abdul Aziz Muhammad Azzam, 2005). Beliau mendefinisikan الضَّرُّ (kemudaratan) sebagai apa-apa yang bertentangan dengan manfaat kesemuanya adalah merupakan kemudaratan. Manakala, Saad Nasir al-Syatiri (t.t.) mendefinisikan الضَّرُّ sebagai kemudaratan yang mempunyai dua kriteria iaitu (i) apa-apa yang menyebabkan berkurangnya sesuatu perkara dianggap sebagai kerosakan; (ii) apa-apa yang menghalang untuk mencapai matlamat yang diinginkan, juga dianggap sebagai kerosakan.

Ulama mengklasifikasikan kaedah ini sebagai hujah yang kuat berdasarkan dalil-dalil yang dihimpunkan dari al-Quran, hadith, ijmak dan dalil akal. Di antara dalil yang menjadi hujah bagi penggunaan kaedah ini ialah sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا
إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: "Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya." (Al-A'raf 7:56)

Ayat ini merupakan salah satu larangan dari Allah S.W.T. untuk melakukan sebarang kerosakan mahupun pengkhianatan di dunia. Larangan tersebut adalah merupakan suatu petunjuk bagaimana menjadi suatu keperluan untuk menghalang sebarang mudarat dari berlaku di dunia. Kaedah ini turut diberikan justifikasinya menerusi hadith Nabi S.A.W. Di antara hadith yang menjadi dalil terhadap guna pakai kaedah ini ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: "Tidak ada kemudaratan dan memudaratkan." (Riwayat Ibnu Majah, Sunan Ibnu Majah, Bab Man Bana fi Haqqihi Ma Yadhurru bi Jārihi, Kitab al-Ahkam, no hadith 2341)

Jelas menerusi hadith ini Rasulullah S.A.W. menegah dari berlakunya segala bentuk darurat sama ada perkara itu sesuatu yang memudaratkan atau memberi mudarat kepada pihak yang lain. Demikian

juga adalah haram hukumnya membalas sesuatu kemudaratan dengan kemudaratan yang lain. Islam menganjurkan agar setiap perkara yang memudaratkan perlu dihilangkan dengan sedaya upaya. Para cendekiawan Islam sepakat (ijmak) bahawa kaedah ini digunapakai sebagai suatu pendalilan dalam istiqlal dalil. Demikian jua dalil akal yang tidak dapat menerima sebarang bentuk kemusnahan dan kemudaratan terhadap apa-apa sekalipun sama ada terhadap diri sendiri, keluarga mahupun masyarakat. Sebarang bentuk kemudaratan tidak sepatutnya disandarkan kepada Allah S.W.T. kerana Allah S.W.T. bersifat dengan sifat Rahmah. (Abdul Aziz Muhammad Azzam, 2005)

Kaedah ini memandu para ulama dan cendekiawan Islam untuk menjaga kepentingan umum dan kemaslahatan sosial dalam menerapkan hukum-hukum berpandukan syariat Islam. Ibnu Nujaim (1999) menukilkan, kaedah ini merupakan di antara kaedah terpenting dan digunakan dalam banyak lapangan perbahasan fiqhiyyah. Dalam konteks hukum Islam, konsep الضَّرُّ يُرَأَى memberi penekanan kepada keperluan untuk bertindak mencegah segala bentuk kerugian atau bahaya yang wujud dalam masyarakat. Secara tidak langsung kaedah ini mengakui bahawa mencegah sesuatu yang membahayakan itu lebih baik daripada mengubati atau memperbaiki setelah ia terjadi. Oleh kerana itu dalam hukum Islam diutamakan tindakan pencegahan untuk menjaga keamanan, ketertiban dan kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, al-Syatibi (2002) turut menggariskan pentingnya kaedah الضَّرُّ يُرَأَى dalam melindungi kepentingan umum dan kemaslahatan sosial. Beliau menekankan perlunya tindakan pencegahan untuk mencegah daripada berlakunya perkara-perkara yang boleh membawa kemudaratan dan bahaya kepada masyarakat. Dalam konteks tahanan pencegahan, kaedah الضَّرُّ يُرَأَى memiliki justifikasi yang kuat. Dalam hal ini, tahanan pencegahan dapat dianggap sebagai langkah pencegahan yang diambil untuk mencegah daripada terjadinya bahaya yang akhirnya memudaratkan dan merugikan masyarakat. Namun, perlu memahami bahawa kaedah ini juga menekankan bahawa tindakan pencegahan harus dilakukan dengan penuh pertimbangan dan keadilan. Individu yang ditahan secara pencegahan harus tetap memperoleh perlindungan hak-hak mereka dalam menjalani proses hukum yang adil demi memastikan keputusan penahanan seseorang individu itu adalah berdasarkan justifikasi yang sah. Kaedah ini juga meletakkan suatu garis panduan di mana ia dapat memastikan tindakan pencegahan tidak disalahgunakan atau menimbulkan kerugian yang tidak adil terhadap mana-mana pihak.

2. Kaedah الضَّرُّ الْخَاصُّ لِدَفْعِ الضَّرْرِ الْعَامِ (Menanggung kemudaratan khusus untuk mengelakkan kemudaratan yang umum)

Sesuatu perkara yang bersifat mudarat pasti tidak berada dalam tahap yang sama atas faktor umum mahupun khusus. Kaedah ini berfungsi sebagai memperincikan kaedah untuk menghapuskan sebarang kemudaratan sekiranya berlaku pertembungan di antara dua kemudaratan yang bersifat umum dan khusus pada waktu yang sama. Memilih untuk mengambil darurat yang bersifat khusus diutamakan dengan tujuan untuk mengelakkan kemudaratan yang lebih umum bagi meraihan kemaslahatan umum. Syariat Islam datang dengan menjamin keselamatan dan keamanan terhadap setiap individu sama ada dari segi agamanya, nyawanya, akalnya, nasab keturunan malahan hartanya. Sekiranya wujud unsur-unsur yang boleh mengganggu-gugat salah satu daripada unsur tersebut, hendaklah dihapuskan kemudaratan itu dengan sedaya upaya iaitu menghalang kemudaratan yang bersifat umum dengan mengambil risiko melakukan kemudaratan yang khusus (Abdul Aziz Muhammad Azzam, 2005).

Berdasarkan kaedah ini, langkah penahanan seseorang individu atas dasar pencegahan adalah merupakan sesuatu keperluan dalam penjagaan keselamatan warga dan keamanan negara. Di Malaysia, pelaksanaan tahanan pencegahan hanya diberikan kepada tiga akta iaitu; (i) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 atau Akta 31 (LLPK); (ii) Akta Pencegahan Jenayah 1959 atau Akta 297; dan (iii) Akta Pencegahan Keganasan 2015 atau Akta 769. Jika diperhatikan, ketiga-tiga akta yang diperuntukkan untuk implementasi tahanan pencegahan ini adalah merupakan kategori jenayah yang boleh merisikokan nyawa masyarakat dan harta benda. Pencegahan daripada berlakunya sesuatu perkara yang boleh memudaratkan keselamatan diri mahupun seluruh masyarakat adalah suatu perkara yang dituntut syarak terhadap pihak kerajaan. Ini jelas sebagaimana firman Allah S.W.T.:

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Maksudnya: “..(negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan Makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun.” (Saba’, 34:15)

3. Kaedah مَا أُبِيحَ لِلضَّرْوَرَةِ يُقَدَّرُ بِقَدْرِهَا (Apa yang diwajibkan ketika darurat penggunaannya adalah berdasarkan kadarnya)

Kaedah ini adalah sebuah kaedah dalam proses dan penentuan hukum. Kaedah ini memberi maksud, ‘sesuatu yang diwajibkan oleh syarak disebabkan darurat, (pada asalnya perkara tersebut adalah haram, adalah diwajibkan dengan hadnya yang tertentu’. Ibnu Qudamah (2003) memberikan pengertian kaedah ini dengan menukilkan bahawa dalam keadaan darurat atau keperluan mendesak, tindakan yang sebelumnya diharamkan adalah diwajibkan setakat yang diperlukan dalam situasi tersebut. Prinsip ini menunjukkan fleksibiliti dalam hukum

Islam untuk meraikan keperluan manusia yang mendesak dalam batas-batas yang ditentukan. Kaedah ini mencerminkan prinsip keseimbangan antara melindungi prinsip-prinsip agama dan memenuhi keperluan mendesak individu atau masyarakat. Dalam keadaan darurat, hukum Islam memberikan ruang untuk bertindak, tetapi tetap meletakkan batasan yang ditentukan.

Dasar kepada kaedah ini adalah dari al-Quran al-Karim. Allah SWT berfirman:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ
وَلِيُنِزِلَ عَلَيْكُمْ رِزْقًا كَثِيرًا تَشْكُرُونَ

Maksudnya: "Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu supaya kamu bersyukur." (Al-Maidah 5:6).

Kaedah ini memberikan pengecualian dalam situasi yang mengancam nyawa, keselamatan atau kesihatan seseorang. Misalnya dalam situasi kelaparan, diperbolehkan untuk mencari makanan yang diharamkan selama tidak ada alternatif makanan lain. Demikian juga dalam keadaan yang mengharuskan sesuatu tindakan disebabkan kondisi darurat. Tindakan yang diperbolehkan harus sesuai dan sebanding dengan keperluan mendesak. Tidak boleh melakukan tindakan yang melebihi batas terhadap situasi darurat tersebut.

Al-Sarakhsi (2012) menyatakan, prinsip ini menunjukkan bahawa hukum Islam sangat memperhatikan keadilan dan kemaslahatan umum. Dalam situasi darurat, kemaslahatan umum menjadi pertimbangan utama dalam memutuskan apakah suatu tindakan itu diharuskan atau tidak. Justeru itu, dalam konteks tahanan pencegahan, menggunakan kaedah مَا أُبِيحَ لِلضَّرُورَةِ يُقَدَّرُ بِقَدْرِهَا, tahanan pencegahan adalah diharuskan dengan kadar yang selayaknya untuk dilaksanakan. Keharusan ini adalah atas faktor serta pertimbangan dalam usaha menjaga keselamatan dan keamanan masyarakat. Namun, tindakan tersebut harus tetap memperhatikan hak-hak individu dan menjalani proses hukum yang adil.

Dalam menghadapi keadaan darurat atau keperluan mendesak, kaedah مَا أُبِيحَ لِلضَّرُورَةِ يُقَدَّرُ بِقَدْرِهَا memberikan kelonggaran untuk bertindak sejauh yang diperlukan demi melindungi nyawa dan kemaslahatan. Namun, prinsip ini tetap terikat pada batasan-batasan yang ditentukan oleh agama dan etika. Dengan memahami prinsip ini, masyarakat dapat menjaga keseimbangan antara kepentingan individu dan kepentingan umum dalam konteks menegakkan keadilan dan kemaslahatan umum.

4. Kaedah إِذَا تَعَارَضَتْ مَفْسَدَتَانِ رُوعِي أَكْثَرُهُمَا ضَرَرًا (Apabila bertembungnya dua keburukan/ kerosakan, maka ditolak keburukan/kerosakan yang lebih besar dengan melaksanakan mudarat yang lebih kecil)

Konsep kaedah ini ialah apabila bertembungnya dua perkara yang memudaratkan, maka hendaklah menghapuskan kemudaratan yang lebih besar dengan mengambil mudarat yang lebih kecil. Asasnya, setiap perkara yang memudaratkan hendaklah dihilangkan, manakala perkara yang memberi manfaat pula perlu diteruskan. (Ahmad Muhammad al-Zuhayli, 1989) Dalil bagi penghujahan kaedah ini ialah sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Anas ibn Malik r.a., beliau berkata:

جَاءَ أَعْرَابِيٌّ، فَبَالَ فِي طَائِفَةِ الْمَسْجِدِ، فَرَجَرَهُ النَّاسُ، فَتَهَاكُمُ
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا قَضَى بَوْلَهُ أَمَرَ النَّبِيَّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِذَنْبٍ مِنْ مَاءٍ، فَأَهْرَيْقَ عَلَيْهِ

Maksudnya: "Seorang Arab Badwi telah datang lalu dia kencing di suatu penjuru masjid. Orang ramai menyergahnya lalu Rasulullah S.A.W. melarang mereka berbuat demikian. Apabila dia selesai kencing, Baginda menyuruh supaya dituangkan satu timba air di atas tempat (kawasan) itu."

Menerusi hadith ini memperlihatkan bagaimana Rasulullah S.A.W. mengendalikan situasi dengan penuh hikmah. Mudarat yang pertama ialah kebersihan masjid dinodai dengan kelakuan Arab Badwi tersebut. Manakala, mudarat kedua ialah seandainya Arab Badwi itu disergah ketika beliau menyelesaikan hajatnya, kemungkinan sahaja akan menimbulkan permasalahan lain seperti tercetusnya pergaduhan, perkelahian atau sebagainya. Justeru, penyelesaian yang Baginda S.A.W. ambil adalah dengan cara berhemah dalam menjaga kemaslahatan di antara kedua-dua pihak dengan cara membiarkan sahaja Arab Badwi tersebut menyelesaikan hajatnya, kemudian dibersihkan kawasan tersebut. Dengan demikian, mudarat kedua yang berkemungkinan terjadi telah dihalang dengan melaksanakan kemudaratan yang pertama.

Kaedah ini memfokuskan usaha untuk mengelakkan kerosakan yang lebih besar dengan mengambil tindakan yang mungkin menyebabkan kerosakan yang lebih kecil. Para sarjana Islam telah memberikan pandangan yang beragam tentang kaedah ini. Sebahagiannya berpendapat dalam situasi konflik di antara dua bentuk kerosakan, tindakan yang paling bijaksana adalah dengan memilih kerosakan yang lebih kecil daripada kerosakan yang lebih besar. Namun, pendapat lain menyatakan sesuatu keputusan harus didasari kepada pertimbangan di antara kemaslahatan dan kepentingan umum yang lebih luas, bukan hanya berfokus kepada ukuran kerosakan sama ada yang besar atau kecil. Fuqaha' membuat ketetapan bahawa kepentingan umum (*maslahah ammah*) perlulah diutamakan terlebih dahulu berbanding keperluan sampingan (*maslahah hajiyyah*). Alasannya ialah seandainya kepentingan umum (*maslahah ammah*) tidak dilaksanakan, kemungkinan akan menyebabkan berlakunya kepincangan dan kecacatan dalam kehidupan sejagat. Sebaliknya pula jika keperluan sampingan (*maslahah hajiyyah*) tidak dilaksanakan,

ia tidaklah memberi impak yang besar kepada kehidupan manusia kerana dengan ketiadaannya tidak akan mencacatkan kehidupan manusia.

Dalam konteks tahanan pencegahan, penerapan kaedah ini memerlukan pertimbangan yang matang daripada pihak berkuasa sebelum membuat keputusan untuk menahan mana-mana individu atas alasan pencegahan. Ketika ada potensi berlakunya ancaman dan risiko bahaya bagi keselamatan masyarakat, tindakan penahanan dapat dianggap sebagai langkah yang mungkin menyebabkan kerosakan yang lebih kecil dibandingkan dengan membiarkan individu tersebut bebas dan berpotensi menimbulkan bahaya yang lebih besar. Namun, penguasa juga harus berhati-hati agar tidak menyalahgunakan kekuasaan untuk menahan seseorang tanpa alasan yang sah atau penahanan secara sewenang-wenangnya. Kaedah ini menegaskan pentingnya memastikan setiap tindakan penguasa didasari kepada bukti yang kuat dan atas landasan keadilan.

5. Kaedah *تَصَرَّفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ* (Polisi dan tindakan pemerintah/kerajaan mestilah tertakluk dengan masalah dan kebaikan kepada rakyat)

Kaedah ini mencerminkan konsep penguasa atau pemimpin negara yang memiliki kuasa untuk mengambil keputusan dan tindakan yang bertujuan untuk mencapai kemaslahatan dan kepentingan umum. Kepentingan masyarakat menjadi salah satu pertimbangan utama dalam pengambilan keputusan penguasa sehingga tindakan yang diambil adalah atas dasar meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan seluruh warganya. Dalam Islam, kepemimpinan bukanlah hak istimewa semata, tetapi merupakan amanah dari Allah S.W.T. yang memerlukan kepada sifat dan sikap tanggungjawab serta akauntabiliti. Para penguasa atau pemimpin negara bertanggungjawab untuk mengelola urusan negara dengan adil dan bijaksana sesuai dengan prinsip-prinsip Islam dan kepentingan umum. Abdul Mujib (2005) mendefinisikan kaedah ini sebagai suatu tindakan dan kebijakan yang ditempuh oleh pemimpin atau penguasa atas kepentingan umum, bukannya untuk golongan atau diri sendiri. Tindakan yang diambil itu mestilah mendatangkan manfaat kepada negara atau rakyat, bertujuan duniawi mahupun bermotifkan ukhrawi. Dalam konteks tahanan pencegahan, penguasa harus mempertimbangkan dengan cermat apakah tindakan penahanan terhadap individu tertentu akan memberikan manfaat dan perlindungan kepada masyarakat.

Tahanan pencegahan wajar diterapkan jika ada bukti kukuh bahawa individu tersebut berpotensi menyebabkan bahaya atau ancaman yang serius bagi keselamatan dan keamanan masyarakat. Penahanan tidak boleh dilakukan secara sewenang-wenangnya atau tanpa bukti yang cukup. Setiap individu

mempunyai hak untuk dianggap tidak bersalah sehinggalah dibuktikan bersalah di hadapan pengadilan. Keadilan adalah sangat ditekankan dalam agama dan menjadi kewajipan terhadap para pemerintah untuk bertindak dengan adil dan saksama dalam setiap keputusan dan tindakan. Allah S.W.T. berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis Amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*” (An-Nisa 4:58)

PERBINCANGAN

Pelaksanaan tahanan pencegahan sebagai suatu instrumen pencegahan adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip keadilan, keselamatan dan pemeliharaan kesejahteraan masyarakat. Fiqh mengakui keperluan terhadap instrumen tahanan pencegahan sebagai cara untuk menjaga kesejahteraan umum dan melindungi masyarakat dari sebarang keadaan yang memberi potensi berbahaya. Namun, hukum Islam juga menempatkan penekanan yang ketara terhadap prinsip-prinsip keadilan, tahap profesionalisme dan prosedur yang sewajarnya. Tahanan pencegahan harus sesuai dengan prinsip Maqāsid al-Syariah di mana ia adalah bertujuan untuk menjaga tujuan-tujuan yang dominan iaitu perlindungan terhadap agama, nyawa, akal, harta dan kehormatan. Oleh demikian, setiap penahanan yang dilaksanakan atas nama pencegahan seharusnya dilakukan dengan penuh berhati-hati. Tujuannya adalah untuk memastikan perlindungan terhadap kepentingan kedua-dua belah pihak. Pengkaji menyenaraikan cadangan garis panduan berdasarkan fiqh Islami sebagai suatu usaha untuk menerangkan nilai Islam dalam instrumen tahanan pencegahan yang dilaksanakan di Malaysia agar pelaksanaannya sesuai dengan kehendak syarak.

1. Tahanan pencegahan hanya boleh dilaksanakan dalam kes darurat yang menyebabkan kematian dalam masyarakat

Atas asas keperluan yang mendesak (*dharuriy*), pelaksanaan tahanan pencegahan seharusnya dilaksanakan apabila tiada lagi cara yang lebih baik dan ampuh dalam mengekang sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan keselamatan rakyat. Instrumen tahanan pencegahan seharusnya menjadi langkah dan pilihan terakhir untuk dilaksanakan. Tahanan pencegahan sepatutnya digunakan hanya apabila terdapat bahaya yang jelas terhadap anggota

masyarakat mahupun individu. Prinsip ini berasaskan idea bahawa bahaya sepatutnya dielakkan atau dikurangkan. Taqiyuddin al-Nabhani (2003) memberikan definisi darurat sebagai sesuatu perkara yang sangat mendesak sehingga boleh mengakibatkan kebinasaan terhadap manusia ataupun membawa kematian. Muhammad Hussin al-Jizani (2007) menggariskan empat syarat dalam berinteraksi dengan darurat menurut syariat, iaitu:

- i. Kejadian bahaya yang teruk (atau kemungkinan) terhadap sesuatu kejadian yang boleh mencetuskan marabahaya.
- ii. Ketidadaan cara lain yang dibolehkan bagi menghilangkan bahaya tersebut hingga memerlukan / melakukan sesuatu yang dilarang secara sah untuk menghapuskan bahaya itu.
- iii. Penilaian terhadap keperluannya dari segi kuantiti dan masa.
- iv. Mengambil kira hasil akhir, memastikan tindakan disebabkan oleh keperluan tidak mengakibatkan bahaya yang sama atau lebih besar daripada bahaya yang cuba diatasi.

Berdasarkan keempat-empat syarat yang telah digariskan ini, pengkaji mendapati bahawa ia menepati kepada pelaksanaan instrumen tahanan pencegahan. Muhammad Hussin al-Jizani (2007) menyimpulkan bahawa atas dasar keperluan, sesuatu perkara yang memenuhi keempat-empat syarat tersebut adalah diharuskan untuk dilaksanakan. Keharusannya adalah atas dasar keperluan untuk menghilangkan kesusahan dan marabahaya terhadap masyarakat. Perkara ini adalah berdasarkan kepada firman Allah S.W.T.:

فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: "Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (*Al-baqarah* 2: 173)

2. Hak untuk mendapatkan layanan mengikut standard hak asasi manusia

Seseorang individu tidak dianggap bersalah sehinggalah dibuktikan kesalahannya. Perkara ini merupakan asas dalam hak asasi kemanusiaan. Menafikan hak seseorang untuk mendapatkan pembelaan adalah sesuatu perkara yang tidak boleh diterima akal. Bahkan menafikan hak untuk dibicarakan bukan sahaja menyalahi perundangan Islam, malah menyalahi undang-undang hak asasi manusia. Abdul Qadir Salam (1996) menyatakan, apabila berbicara tentang terminologi darurat, ia bukan sekadar berkisar tentang perkara dharuriy, tetapi turut berkait rapat dengan perkara *hajiyyat* iaitu soal keperluan dan hak individu yang telah dijamin oleh syariat. Justeru, mengutamakan darurat dengan mengabaikan hak-hak yang telah dijamin oleh syariat

di Malaysia adalah sama sekali tidak dapat diterima. Di sisi Islam, seseorang individu itu mempunyai kedudukan serta kemuliaan yang dijamin di sisi syariat. Allah S.W.T. berfirman:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya: "Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk yang telah Kami ciptakan." (*Al-Isra* 17:70)

Istimewanya manusia adalah kelebihan yang diberikan oleh Allah S.W.T. berbanding makhluk-makhluk yang lain. Ia menjadi lebih istimewa apabila kelebihan yang diberikan oleh Allah S.W.T. itu diberikan kepada seluruh umat manusia tanpa terkecuali meskipun berbeza ras keturunannya, bahasa, warna kulit dan sebagainya. Persamaan yang diberikan ini harus dihormati oleh setiap manusia menandakan ia merupakan suatu bentuk kehormatan yang seharusnya dihormati. Inilah buktinya bagaimana al-Quran merupakan suatu bentuk manifestasi ulung dalam memartabat serta menjunjung tinggi peradaban manusia dan kehormatannya. Terdapat banyak dalil naqli yang memperihalkan kepentingan menjaga hak asasi manusia. Di antara yang pengkaji temui ialah surah al-Talaq ayat 6 yang membicarakan kepentingan menjaga hak makhluk iaitu keselamatan dan keamanan diri dan keluarga, penjagaan kesihatan, mewujudkan keamanan dan membanteras jenayah dan kerosakan, hak pasangan suami isteri dan sebagainya. Manakala, menerusi hadith daripada oleh Abu Juhaifah sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Shahih al-Bukhari, kitab al-Shaum, Bab Man Aqsamu 'ala Akhihi li Yufthiru 'ala al-Tathowwu' wa Lam Yara 'alaihi Qadja' iza Kana Ufiqa Lahu (38/3), no hadith 1968 yang merekodkan peristiwa di antara Abu Darda' dan Salman yang akhirnya Baginda S.A.W. memperakui kata-kata Salman yang menyatakan bahawa setiap orang itu mempunyai hak yang perlu dilunasi terhadap tuhan, dirinya sendiri dan keluarganya.

Menafikan hak seseorang daripada mendapatkan haknya adalah dikira menzaliminya. Di sisi Islam, seseorang yang mengambil hak saudaranya boleh dikenakan tindakan berdasarkan hukum jenayah Islam. Jika mengambil hak saudaranya pun sudah memadai untuk dikenakan tindakan, bagaimana pula halnya orang yang telah menafikan hak saudaranya sehingga membawa kepada kezaliman terhadapnya. Di antara hak-hak yang wajib diberikan kepada tahanan pencegahan ialah hak untuk mendapat akses kepada keadilan seperti untuk membuat bantahan terhadap penahanannya atas faktor penahanan yang tidak sah

(habeas corpus). Kedua, hak untuk melaporkan sebarang kezaliman yang berlaku terhadap tahanan sepanjang penahanannya. Hak ini wajar untuk diberikan memandangkan terdapat kes-kes yang melibatkan penderaan fizikal dan mental terhadap tahanan dilaporkan. Ketiga, hak untuk dilayan dengan manusiawi seperti akses keluar dari sel tahanan bagi mendapatkan cahaya matahari serta hak-hak lain mengikut piawaian antarabangsa. Perkara ini penting kerana ia bukan sahaja memberi kesan terhadap kesihatan tahanan, malahan terhadap kesihatan mental kerana terdapat kes yang dilaporkan bahawa ramai tahanan mengalami masalah gangguan mental semasa dalam tempoh penahanan. Keempat, hak untuk mendapatkan akses kepada ahli keluarga. Pengkaji berpandangan di antara inisiatif terbaik untuk mederadikalisasikan tahanan ialah dengan mendapatkan kerjasama dari pihak keluarga tahanan. Kerjasama yang diberikan hendaklah berasaskan kepada pemulihan supaya penyertaan ahli keluarga akan memberikan impak yang positif terhadap tahanan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, aplikasi al-Qawāid al-Fiqhiyyah dalam tahanan pencegahan menunjukkan pentingnya mengimbangi keadilan, kemanusiaan dan objektif keselamatan masyarakat dalam pelaksanaan tindakan tersebut. Dengan mematuhi prinsip-prinsip hukum Islam ini, pelaksanaan tahanan pencegahan dapat dilaksanakan dengan cara yang adil, beretika dan berlandaskan Maqasid al-Syariah dan akhirnya menjamin keadilan terhadap individu terbabit dan keselamatan kepada masyarakat secara umumnya. Ini mencerminkan kebijaksanaan dan keadilan dalam sistem hukum Islam dengan menekankan perlunya menjaga kemaslahatan umum dalam setiap tindakan dan keputusan. Kaedah-kaedah yang disenaraikan ini merupakan di antara prinsip utama dalam hukum Islam yang menekankan perlunya menghilangkan atau mencegah kemudaratan sebanyak mungkin. Kaedah ini diperkuat dengan dalil-dalil dari al-Quran, hadith, ijmak dan dalil akal yang menyatakan larangan melakukan kerosakan dan pengkhianatan di dunia. Selain itu, kaedah-kaedah ini juga memandu para ulama dan cendekiawan Islam untuk menjaga kepentingan umum dan kemaslahatan sosial, menekankan tindakan pencegahan untuk menjaga keamanan, ketertiban dan kesejahteraan masyarakat. Secara tidak langsung, kaedah-kaedah ini telah memberikan justifikasi bagi tindakan pencegahan dalam konteks tahanan untuk menjaga keselamatan masyarakat. Kaedah-kaedah ini juga membuktikan kewujudan fleksibiliti dalam hukum Islam iaitu membolehkan tindakan yang sebelumnya diharamkan dalam keadaan darurat, tetapi dengan batasan yang ditentukan serta menunjukkan prinsip pengambilan keputusan dengan memilih tindakan yang menyebabkan mudarat yang lebih kecil dalam menghadapi konflik antara dua keburukan.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
 Al-Amidi, *al-Ahkām fi Usul al-Ahkam*, 1967, Mathba'ah Dār al-Itihād 'Arabi.
 Abdullah Besmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, aplikasi JAKIM.
 Abdul Aziz Muhammad Azzam, 2005, *al-Qawāid al-Fiqhiyyah*, Dār al-Hadith, Kaherah, Mesir.
 Abdul Manan Ismail, *Kaedah-kaedah Fiqh: Satu Pengenalan Ringkas*, t.t..
 Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Tusi al-Shafi'i, 2008, *al-Mustasfa min 'Ilmi al-Usul*, Syarikat al-Madinah al-Munawwarah li al-Tibā'ah, Arab Saudi.
 Al-Kasani, Bada'i al-Sana'i, t.t., Kaherah.
 Al-Nawawi, Yahya ibn Syaraf al-Din, 1972, *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*, Dar al-Ihyā al-Turath al-Arabi, cetakan kedua, Beirut, Lubnan.
 Al-Syatibi, *al-Muwafaqat*, 1975, Kaherah, Mesir.
 Az-Zuhayli, Muhammad Mustafa al-Zuhayli, 2006, *al-Qawāid al-Fiqhiyyah wa Tatbiqātiha fi al-Mazāhib al-Arba'ah*, Dār al-Fikr, Dimasyq, Syria.
 Fuad Hassan dan Koentjaraningrat, 1991, *Beberapa Asas Metodologi Ilmiah dalam Metode-metode Penelitian Masyarakat*, P.T. Gramedia, Jakarta, Indonesia.
 Husin Hamid Hassan, *Nazariyyah al-Maslahah fi al-Fiqh al-Islami*, 1971, Kaherah, Mesir.
 Ibnu al-Munzir, Abu Bakr Muhammad ibn Ibrahim al-Naysaburi, *al-Ijma'*, 2004, cetakan pertama, Dār al-Athār li al-Nasyr wa al-Tauzi', Kaherah, Mesir.
 Musyrifah Mustafa Atiyyah, al-Qada' fi al-Islām, 1939, Matba'ah al-I'timād bi Sya'i Hasan al-Akhbār li Shāhibiha al-Khudri, t.t
 Mohamad Shariff Abu Samah & Asidah Mohd Ali, *Alman Undang-undang Jenayah di Malaysia*, 2021, cetakan keenam, International Law Book Services, Selangor, Malaysia.
 Mohd Noor Deris, *Susunan Keutamaan Maslahah dan Fungsinya dalam Perundangan Islam*, 1993, Jurnal Syariah Vol. 1 No. 2, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
 Muhammad Hussin al-Jizani, *Haqiqah al-Dharūrah wa Tathbiqātiha al-Mu'asirah*, 2007, Maktabah Dar al-Minhaj, Riyadh, Arab Saudi.
 Muhammad Salām Madkur, *al-Madkhal li al-Fiqh al-Islami*, 1963, Matba'ah Dār al-Nahdhah al-'Arabiyah, Mesir.

Nur Lailatul Musyafaah, Kedudukan dan Fungsi Kaidah Fikih dalam Hukum Pidana Islam, t.t., Surabaya, Indonesia.

Oris Alfauzi, The Dynamics of Qawaid Fiqhiyyah: The Construction and Application in Islamic Law, 2020, Al-Bayyinah: Jurnal of Islamic Law, Yogyakarta, Indonesia.

Saad ibn Nasir al-Syatiri, t.t., <https://bena.islamacademy.net/files/word/14587379145.doc>

Siti Nur Amalina Che Omar & Mohd Nurhusairi Mat Hussin, Pemakaian Kaedah-kaedah Fekah dalam Institusi Fatwa di Wilayah Persekutuan dari Tahun 2012-2014, 2018, Online Journal Research in Islamic Studies, Universiti Malaya, Malaysia.

Teungku Riyandi Syafri, Kedudukan Qawaid Fiqhiyyah dalam Mengistimbathkan Hukum Islam, t.t, Indonesia.

Yusuf al-Qaradhawi, t.t., <https://www.al-qaradawi.net/node/4041>

Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 8 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2023



Published by:
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X



9 770127 788006

KANDUNGAN / CONTENTS

Keperntingan Amalan Beragama Bagi Warga Emas dan Perlaksanaannya di Pusat Jagaan Terpilih di Malaysia	1-9
<i>The Importance of Religious Practice for the Elderly and Its Implementation in Selected Care Centers in Malaysia</i> Zainursyamimi Zakaria, Zuliza Mohd Kusrin	
Hukum Normalisasi Hubungan Diplomatik dengan Israel Menurut Siyash Shar'iyah	10-18
<i>The Legality of Normalizing Diplomatic Relations with Israel According to Siyash Shar'iyah</i> Mohamad Ridhuan bin Mohd Zawawi, Anwar Fakhri bin Omar	
The Determination of Citizenship for Children Born Aboard International Flights: A Comparative Analysis Under International, Nigerian, and Islamic Legal Frameworks	19-26
Ismail Adua Mustapha	
Analisis Hibah Menurut Tinjauan Fiqh dan Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah (KHES)	27-34
<i>Analysis of Hibah (Gift) in the Context of Fiqh and the Compilation of Sharia Economic Law (KHES)</i> Asiah Aqilah Abdul Ghani, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Siti Fatimah Azani	
Kefahaman Belia Muslim Memilih Pasangan Berdasarkan Konsep Kafa'ah Dalam Islam	35-45
<i>Understanding of Muslim Youth in Selecting a Spouse Based on the Concept of Kafa'ah in Islam</i> Zuliza Mohd Kusrin, Ummi Syahirah Razak	
Perlembagaan NGO Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Keperluan Pembentukan Garis Panduan	46-52
<i>The Constitution of Islamic Non-Governmental Organizations in Malaysia: An Analytical Assessment of the Need for Establishing Guidelines</i> Nur Aina Abdulah, Norhoneydatie Abdul Manap	
The Relationship Between Non-Halal Animals and Pandemic Diseases According to the Shafie School of Islamic Law	53-60
Mohamed Faiz Asyraf Razali	
Aplikasi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah dalam Instrumen Tahanan Pencegahan di Malaysia	61-70
<i>Application of Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah in Preventive Detention Instruments in Malaysia</i> Muhammad Shaiffudin Bin Abu Bakar, Mohd Al Adib Bin Samuri	